

## FAQ BKOKU

1) Q: Apakah tuntutan saya boleh buat untuk satu semester?

A: Setiap semester tuntutan yang boleh dibuat adalah tuntutan **yuran pengajian** dan **elaun bulanan** sahaja.

2) Q: Berapakah jumlah elaun yang boleh dituntut?

A: Pihak KPT (Kementerian Pengajian Tinggi) memberi elaun sebanyak **RM300 sebulan**. Pengiraan adalah:

Setiap satu semester ada 6 bulan jadi,

6 bulan x rm300= rm1,800 satu semester

3) Q: Bolehkah, jika saya ingin membuat tuntutan yuran pengajian bersama yuran kolej kediaman saya?

A: TIDAK BOLEH, kerana yuran kolej kediaman adalah kategori yuran **TIDAK boleh dituntut**. Hanya **yuran Pengajian BOLEH dituntut**. Sila teliti semula syarat-syarat dan garis panduan di laman web rasmi BKOKU: [https://basiswa.mohe.gov.my/bk\\_oku/](https://basiswa.mohe.gov.my/bk_oku/)

4) Q: Pada semester lepas saya tidak dapat memohon BKOKU dan bolehkah yuran pengajian semester lepas dan yuran pengajian semester ini (semasa) saya tuntutan bersama untuk permohonan kali ini?

A: Dalam syarat memohon BKOKU telah nyatakan **HANYA permohonan semasa dan tidak akan dikebelakangkan**. Di sini maknanya anda punya tuntutan bersama yuran pengajian semester lepas **TIDAK** boleh dilakukan. Hanya yuran pengajian semasa sahaja boleh dituntut. Selain itu, diingatkan jumlah tuntutan setahun adalah RM5,000 setahun. Jika anda membuat tuntutan lebih daripada RM5,000 setahun itu kemungkinan tuntutan pada semester hadapan mengalami kesukaran.

5) Q: Jika pada semester ini tuntutan saya tak sampai RM5,000 setahun adakah baki daripada itu dibawa ke semester hadapan pada tahun depan?

A: Jika pada tahun 2021 ini anda membuat tuntutan tidak sampai RM5,000 setahun. Contoh jumlah tuntutan anda sepanjang tahun 2021 adalah RM3,000 baki RM2000 setahun, baki RM2,000 itu **tidak akan bawa ke hadapan**. Jadi pada semester baru (tahun 2022) jumlah tuntutan setahun akan jadi RM5,000 semula.

6) Q: Perlukah ke saya poskan salinan permohonan saya kepada KPT?

A: Itu adalah digalakan terutama tuntutan yuran: penyata, invois atau resit bersama permohonan yang lengkap diisi harus diposkan kepada KPT mengikut alamat yang terdapat di web: [https://basiswa.mohe.gov.my/bk\\_oku/](https://basiswa.mohe.gov.my/bk_oku/). Selain itu, semua pelajar OKU UiTM juga diminta menghantar salinan permohonan ke emel UPO UiTM di: [UPO@uitm.edu.my](mailto:UPO@uitm.edu.my). Tujuan salinan permohonan anda di emel adalah sebagai simpanan, pengumpulan data dan rujukan untuk sebarang permasalahan yang berlaku kemudian.

7) Q: Saya baru sahaja melanjutkan pelajaran dan saya adalah pelajar semester baharu, dalam permohonan perlukan kad pelajar tetapi saya masih tiada kad pelajar, bagaimana?

A: Jika awak masih tidak mendapat kad pelajar atau kad pelajar anda dalam proses sila gunakan salinan surat tawaran pengajian yang anda ada.

8) Q: Saya baru sahaja melanjutkan pelajaran ke Degree (Ijazah Sarjana Muda) daripada Diploma. Bagaimana saya nak memohon BKOKU?

A: Jika anda adalah pengguna kali pertama sila buat pendaftaran bagi pengguna kali pertama. Tapi sekiranya anda adalah pengguna sedia ada sejak Diploma tetapi tidak dapat membuat tuntutan bagi Degree anda, sila telefon pihak BKOKU di KPT untuk mendaftarkan anda semula. Ini adalah sama juga kepada pelajar yang melanjutkan pengajian daripada Degree ke Master.

9) Q: Saya ingin memohon BKOKU adakah pendapatan keluarga boleh menyebabkan permohonan saya terganggu atau tidak layak?

A: **ANDA LAYAK MEMOHON**, permohonan BKOKU terbuka kepada semua mahasiswa OKU yang mempunyai kad OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tanpa mengambil kira taraf pendapatan keluarga anda sebagai syarat kelayakan. Tambahan pula, selagi anda adalah mahasiswa OKU yang berstatus aktif di mana-mana universiti awam, universiti swasta, Politeknik dan Kolej Komuniti boleh memohon.

10) Q: Bolehkah pihak UPO UiTM menyemak sebarang permasalahan tentang permohonan tuntutan BKOKU saya?

A: TIDAK BOLEH, sebarang permasalahan pelajar boleh hubungi pihak BKOKU di KPT.

11) Q: Adakah saya boleh membuat tuntutan jika di sistem masih memaparkan permohonan saya yang lepas masih dalam Tindakan?

A: Perkara ini adalah bergantung pada sistem. Kerana sesetengah pemohon boleh memohon dan sebahagian lagi tidak dapat memohon. Jika ada sebarang permasalahan permohonan di portal BKOKU sila hubungi BKOKU di KPT.

12) Q: Apa dokumen yang perlu saya sediakan untuk memohon BKOKU?

A: Terdapat beberapa dokumen perlu disediakan oleh pelajar, disahkan dan simpan dalam bentuk PDF.

Bagi permohonan kali pertama, dokumen diperlukan ialah:

- i. Salinan Kad Pengenalan
- ii. Salinan Kad OKU
- iii. Salinan Surat Tawaran
- iv. Salinan Slip Pengesahan Akaun/Buku Bank Islam
- v. Invois/Resit Yuran Pengajian

Bagi permohonan sedia ada, dokumen diperlukan ialah:

- i. Salinan Kad OKU
- ii. Salinan Slip Keputusan Peperiksaan
- iii. Salinan Slip Pengesahan Akaun/Buku Bank Islam
- iv. Invois/Resit Yuran Pengajian

Nota: Permohonan setiap pelajar adalah berbeza dan pastikan setiap dokumen dinyatakan dibuat salinan dan disimpan untuk kegunaan permohonan semester seterusnya. Sekiranya terdapat masalah teknikal sila hubungi pihak BKOKU di KPT.

13) Q: Dimanakah saya boleh dapatkan invois yuran?

A: Invois boleh didapati di Student Portal → Student Financial Services → Bil Pelajar

Berikut adalah contoh Bil Pelajar UiTM:

Paparan Bil Pelajar https://bursary.uitm.edu.my/bilpelajarbaru/CetakBilDtlbyr.asp

---

[www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my)

<b>Pejabat Bendahari</b> <i>Bursar's Office</i>	<b>Universiti Teknologi MARA</b> Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar Aras 3 Bangunan Budisiswa (HEP) Tel : 03-5544 3369 / 3485 / 3284 / 3441 Emel : kewanganpelajar@uitm.edu.my	 <b>UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA</b>
--	--	---

**BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN PELAJAR**

Rujukan Kami: 400-BBI (K-P/BYRYURAN)  
Tarikh : 26/3/2022

KEPADA YANG BERKAITAN

**PENGESAHAN BAYARAN YURAN PENGAJIAN**

Ditahapkan berikut adalah bayaran yuran yang telah dibuat oleh pelajar

YURAN SESI .....20222

**MAKLUMAT DETAIL BIL**

No. Bil .....	2019	010	Resit/Bil .....
No. Pelajar .....	2019		
No. Resit .....			
Tarikh Resit .....	23/3/2022		
Jumlah Terima .....	590.00		
Tarikh Bil Dujana .....	22/3/2022		

----- Detail Resit -----

Kod Yuran	Keterangan	Jumlah
KP013	Y PERKH.SERV.FEE DDEGREE	390.00
YPD01	YURAN PENGAJIAN SEPENUH MASA U	200.00

Sekian, Terima Kasih

**HAJAH NORAZIAN HAJI AHMAD**  
TIMBALAN BENDAHARI KANAN  
JABATAN PENGURUSAN KEWANGAN PELAJAR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER, TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN

14) Q: Alamak! Saya terlupa nak simpan atau membuat salinan dokumen Slip Keputusan Peperiksaan Semester saya, bagaimana?

A: Setiap pelajar seharusnya peka dan menyimpan salinan Slip Keputusan Peperiksaan Semester anda. Cara lain untuk dapatkan keputusan peperiksaan anda adalah melalui permohonan Mini Transkrip di student portal akan tetapi anda perlu membayar untuk itu. Selain itu, keputusan peperiksaan akan ada pada sistem Student Portal selama **2 minggu** pastikan anda memuat turun dengan kadar segera sebelum sistem tersebut ditutup. Namun tidak digalakkan anda memuat turun keputusan peperiksaan tersebut pada saat akhir!

Berikut adalah contoh Slip Keputusan Peperiksaan:

CONTOH 1

HEA/RA/PP-2000-6



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**STATEMENT OF EXAMINATION RESULT**


- Note :*
1. The examination result are governed by the approval from the Senate.
  2. In the event of any amendments made to this statement, the Dean's office has to be noticed within fourteen (14) days after release of the examination results.
  3. The student is responsible to keep this examination slip.
  4. For official purposes, please get verification from the faculty/campus.

Name :	Campus :	N4 - UITM KAMPUS SEREMBAN 3
Student Number : 2019-	Faculty :	AM - FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCE AND POLICY STUDIES
Identity Card Number :	Programme :	AM228 - BACHELOR OF ADMINISTRATIVE SCIENCE (HONOURS)
Address :	Part :	5 Semester : 20214
	Examination :	FEBRUARY 2022
	Date :	14/03/2022

NO.	COURSE CODE	NAME OF COURSE	CREDIT HOURS	* GRADE	RESULT
1.	ADM653	SOCIAL SECURITY AND EMPLOYEE BENEFITS ADMINISTRATION	3.0		LU
2.	ADS504	MALAYSIAN ECONOMY	3.0		LU
3.	ADS511	RESEARCH METHODOLOGY AND DATA ANALYSIS	4.0		LU
4.	ADS512	PROJECT MANAGEMENT	4.0		LU
5.	ADS653	PRINCIPLES OF PUBLIC FINANCE	3.0		LU
6.	ELC650	ENGLISH FOR PROFESSIONAL INTERACTION	2.0		LU
7.	TMC501	INTRODUCTORY MANDARIN (LEVEL III)	2.0		LU

	GRADE POINT TOTAL	CREDIT TOTAL	GRADE POINT AVERAGE	* KEY
CURRENT SEMESTER	65.320			A+:4.00 A:4.00 A:-3.67 B+:3.33 B:3.00 B:-2.67 C+:2.33 C:2.00 C:-1.67 D+:1.33 D:1.00 E :0.67 F:0.00
SEMESTER IN TOTAL	334.000			
EXAMINATION RESULT	LU (PASS)			
NOTE	PASS			
VALID DATE : 14/03/2022 10:56 PM PRINT DATE : 15/03/2022 16:28:59				5933915032022162859

## CONTOH 2



NO	COURSE CODE	GRED	STATUS
1	TMC501		LU
2	ADM653		LU
3	ADS504		LU
4	ADS511		LU
5	ADS512		LU
6	ELC650		LU
7	ADS653		LU

*Date Valid : 15/03/2022 13:05*  
*Date View : 15/03/2022 13:05*  
*\*\*Please print your examination slip from student portal for official business*

**Nota:** Hanya Slip Keputusan Peperiksaan Contoh 1 sahaja diterima dan digunakan untuk dimuat naik sebagai dokumen sokongan dan BUKAN Slip Keputusan Peperiksaan seperti di Contoh 2.

15) Q: Semasa mengisi permohonan BKOKU pada ruang Jangka Tamat Pengajian saya perlu letak tarikh yang spesifikkah?

A: Tidak perlu hanya tulis anggaran bila anda akan tamat belajar. Jika tempoh pengajian anda adalah 3 tahun, tambah sahaja dengan tahun semasa [Tahun semasa: 2022 + 3 tahun tempoh pengajian = Tahun jangkaan tamat pengajian adalah pada tahun **2025**].

16) Q: Saya adalah pelajar baharu Asasi UiTM Dengkil. Adakah saya layak untuk memohon BKOKU?

A: BKOKU boleh mula dimohon semasa anda adalah pelajar Diploma dan ke atas.

17) Q: Saya nak tahu bila wang elaun itu akan dikreditkan ke akaun bank saya?

A: Kebiasaannya wang elaun itu akan dikreditkan pada penghujung semester. Ia juga bergantung pada kestabilan sistem BKOKU di KPT. Jika anda membuat permohonan awal anda boleh mendapat wang elaun tersebut sebelum tamat semester semasa.

18) Q: Bagaimana cara terbaik nak buat permohonan BKOKU?

A: Cara terbaik adalah permohonan dilakukan sebaik sahaja keputusan peperiksaan keluar. Selain itu, bagi pembayaran yuran pengajian sebaiknya dibayar dahulu kemudian baru membuat tuntutan kepada pihak BKOKU. Hal ini adalah bagi mengelakkan sebarang masalah.

19) Q: Saya ada masalah untuk login ke sistem BKOKU, bagaimana?

A: Anda dengan perlu menghubungi pihak BKOKU untuk membuat sebarang aduan tentang masalah ini.

20) Q: Elaun saya tidak masuk lagi. Sudah 2 semester tidak dapat elaun daripada BKOKU. Adakah UPO UiTM dapat membantu dalam hal ini?

A: Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya UiTM (UPO UiTM) hanyalah sebagai pemudahcara untuk mahasiswa OKU UiTM dan tidak dapat membantu pelajar jika wang elaun tersebut telah dikreditkan atau tidak. Hal ini disebabkan oleh kerana segala perkara dikawal oleh pihak BKOKU di KPT. Jika anda ada masalah elaun tidak dikreditkan ke akaun anda, seharusnya anda perlu berurusan dengan pihak BKOKU di KPT.

Kemaskini: 15 September 2022